

LAPORAN BERSAMA



IZWANDI AZMAN
izwandi@sph.com.sg
Wartawan



RUBIAH MOHD
rubimohd@sph.com.sg
Koresponden

Tiga kisah berbeza, satu pengalaman sama.
BERITA MINGGU
menyingkap cabaran dan pengorbanan individu yang berjaya menggenggam ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Cabaran & pengorbanan

Pasangan mahu guna PhD untuk bakti kepada masyarakat

Bagi kebanyakan pasangan, waktu malam lazimnya masa untuk berehat atau keluar makan bersama, tetapi bagi Dr Muhammad Faisal Aman dan Dr Nur Diyanah Anwar, ia masa untuk menelaah teori, membuat analisis dan membincangkan tesis untuk pengajian Doktor Falsafah (PhD) mereka.

Malam seperti itu telah menjadi kebiasaan sejak beberapa tahun lalu apabila mereka memburu impian untuk memperoleh ijazah PhD yang lama didambakan.

Impian itu akhirnya menjadi nyata apabila Dr Faisal, 42 tahun, dan Dr Diyanah, 34 tahun, baru-baru ini meraikan kejayaan menggenggam ijazah masing-masing di majlis konvokesyen Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada 24 Julai.

Dr Faisal menghabiskan tujuh tahun dari 2017 hingga 2024 untuk menyelesaikan PhD secara sambilan dalam bidang pembelajaran dewasa dan pembangunan profesional dalam tingkah laku pertubuhan.

Beliau juga berkelulusan sarjana muda (Ke-pujian) dalam bidang geografi dari Universiti Nasional Singapura (NUS).

Sepanjang pengajian PhD-nya, Dr Faisal bekerja di Institut Pendidikan Nasional (NIE), Kementerian Pendidikan (MOE), Mendaki, Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA), Institut Kepimpinan Modal Insan (HCLJ) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Kini bertugas sebagai Pengarah Program untuk jabatan Pembangunan Eksekutif di SMU sejak 2024, Dr Faisal ialah satu-satunya kakitangan Melayu sepenuh masa di sekolah itu yang mengajar di peringkat pascasiswazah dan program eksekutif.

Dalam kerjanya, Dr Faisal berunding dan membimbing pemimpin perniagaan daripada syarikat berbilang negara (MNC) di Indonesia berkenaan aspek perniagaan seperti penilaian psikometrik dan sains tingkah laku.

Dr Diyanah pula mengambil lima tahun dari 2019 hingga 2024 untuk menyelesaikan PhD secara sepenuh masa dalam bidang kepelbagaian budaya dan pembentukan identiti dalam sistem pendidikan.

Beliau juga berkelulusan sarjana muda (Ke-pujian) dalam bidang sains politik dari NUS.

Dr Diyanah kini seorang Felo Sambilan di Ketua Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan Nasional (CENS) di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) sejak awal 2025, dan juga telah mengajar secara sambilan di Institut Pendidikan Nasional (NIE) sejak 2024.

Daripada mengimangi kerja dan pengajian PhD sehinggalah memastikan mereka mendapat rehat yang cukup, pasangan itu, yang mendirikan rumahtangga pada 2018, telah menempuhi pelbagai cabaran dan melakukan pelbagai pengorbanan untuk mencapai cita-cita mereka.

“Antara pengorbanan yang kami lakukan adalah untuk menangguk menimang cahaya mata. Sebelum kahwin, kami sepakat membuat keputusan itu demi menumpukan perhatian penuh pada pengajian.

“Saya tahu jika saya jadi seorang ibu, segala



Pasangan suami isteri, Dr Muhammad Faisal Aman, 42 tahun, dan Dr Nur Diyanah Anwar, 34 tahun, baru-baru ini menyambut penyelesaian ijazah Doktor Falsafah (PhD) mereka di konvokesyen Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada 24 Julai. – Foto BM oleh NUR DIYANA TAHA

tumpuan dan fokus saya akan diberikan kepada bayi kami,” jelas Dr Diyanah.

Disebabkan keputusan itu, Dr Faisal berkata beliau dan isterinya menerima tekanan daripada anggota keluarga yang kerap bertanyakan soal zuriat.

“Ibu bapa dan anggota keluarga terdekat sangat menyokong kami, tetapi ada sesetengah anggota keluarga lain yang kata ‘Dah tua pun masih sekolah lagi?’ atau ‘Bila lagi nak ada anak?’ Tetapi komen mereka ibarat pembakar semangat bagi kami.

“Bak pepatah genggam bara api biar sampai jadi arang, kami mahu selesaikan apa yang kami telah mulakan. Itulah nilai yang kami pelajari dari ibu bapa kami,” tambah Dr Faisal.

Namun begitu, pasangan itu mengakui ia tidak mustahil untuk melakukan PhD dan mendirikan keluarga pada masa yang sama, namun akur ia perlu diiringi dengan pelbagai pengorbanan kerana masing-masing menghadapi cabaran berbeza.

Selain bekerja sepenuh masa dan mengikuti pengajian PhD secara sambilan, Dr Faisal perlu menyara ibu bapanya, serta adik perempuannya yang menghidap masalah kesihatan mental.

“Tipulah kalau saya kata tak penat... saya sering pulang rumah sekitar 1 pagi kerana sambung tugasan PhD selepas tamat kerja pada waktu petang.

“Mengimangi kesemuanya menguji kesabaran saya dan Diyanah, tetapi kami berdua hanya mampu berdisiplin, buat yang terbaik, banyak bersabar, dan selebihnya terserah kepada Allah,” kongsi Dr Faisal.

Bagi Dr Diyanah pula, beliau terpaksa mengharungi gelombang emosi ketika arwah bapanya sakit dan dimasukkan dalam hospital beberapa kali.

Arwah bapanya meninggal dunia pada 2024, ketika beliau sedang melalui fasa kritikal pengajian PhD-nya itu termasuk tempoh peperiksaan.

“Sebelum beliau menghembuskan nafas terakhir, saya sempat beritahunya saya telah menamatkan PhD saya. Walaupun beliau tak lagi boleh berkomunikasi, saya bersyukur kerana sempat menyampaikan berita itu kepadanya.

“Saya rasa seolah-olah PhD ini adalah hadiah buat ibu bapa saya yang sentiasa menyokong saya dan Faisal dalam mengejar impian kami,” luah Dr Diyanah.

Walaupun pencapaian PhD satu kepuasan

peribadi, Dr Faisal dan Dr Diyanah berniat mahu menggunakan ilmu pengajian mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat Melayu/Islam.

Daripada pengalamannya mengajar di Indonesia, Dr Faisal menyedari bahawa masyarakat di sana menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan usahawan Melayu/Islam Singapura kerana persamaan dari segi agama, bahasa dan budaya.

“Tetapi jambatan kerjasama itu belum wujud sepenuhnya. Jadi saya harap melalui peranan saya, saya dapat menghubungkan Singapura dan masyarakat Melayu/Islam kita dengan mereka,” ujarnya.

Sementara itu, Dr Diyanah berharap kajian PhD-nya dapat menyumbang kepada kefahaman lebih mendalam tentang isu yang dihadapi golongan minoriti di Singapura, termasuk masyarakat Melayu/Islam, dalam bidang pendidikan.

“Apa sahaja yang saya mahu lakukan mulai sekarang ia adalah tentang membantu memahami mengapa sesuatu berlaku, dan bagaimana kita boleh menjadikannya bermanfaat atau berfaedah untuk masyarakat yang kononnya penuh dengan wacana,” terangnya.

Dengan tekad untuk menyumbang semula

kepada masyarakat, pasangan itu turut meluangkan masa membimbing golongan belia Melayu/Islam dalam bimbingan kerjaya dan mengharungi liku-liku kehidupan.

Dr Faisal merupakan ketua pembimbing Program Masyarakat Peer Kelab Mendaki, manakala Dr Diyanah pula adalah ketua pasukan bagi satu program bimbingan di bawah Kedutaan Amerika Syarikat di mana beliau membimbing pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE).

Pasangan itu juga tidak mengangap pencapaian akademik sebagai ukuran kejayaan dan tidak mengharapkan semua belia menjejak laluan pengajian tinggi.

“Apa yang lebih penting adalah untuk golongan muda menyedari bahawa kejayaan boleh dicapai dalam pelbagai bentuk.

“Ia tidak semestinya tentang mengejar tahap akademik yang lebih tinggi, tetapi tentang kesungguhan untuk memberi yang terbaik dalam bidang yang diceburi.

“Dengan adanya pemikiran berkembang atau *growth mindset*, seseorang itu akan sentiasa terdorong untuk memperbaiki diri secara menyeluruh sebagai seorang insan,” nasihat Dr Diyanah.

‘Doktor’ pelbagai bidang

Suami isteri ‘bersaing sihat’ genggam ijazah Doktor Pendidikan bersama



Dr Emilia Idris dan suaminya Dr Irfan Ismail (dua dari kanan) beri peluang kepada anak-anak mereka (dari kiri) Aidan Irfan, Muhammad Ilhan Irfan dan Rayan Irfan berkongsi pendapat sekali gus memberi pendedahan tentang pengajian mereka. – Foto BM oleh SHAFIQ APANDI

Dr Emilia Idris dan Dr Irfan Ismail berjaya bergelar ‘Doktor Pendidikan’ setelah tamat pengajian mereka di NTU-NIE pada 2025. – Foto BM oleh SHAFIQ APANDI

Cinta berputik ketika mereka masih pelajar muda di Universiti Nasional Singapura (NUS) hampir dua dekad lalu.

Kini, setelah mendirikan rumah tangga bersama dan dikurniakan tiga orang anak, Dr Emilia Idris, 46 tahun, dan Dr Irfan Ismail, 48 tahun, berjaya mengharungi bahtera pengajian bersama-sama sekali lagi dan kali ini menamatkan pengajian Doktor Pendidikan (EdD) di Universiti Teknologi Nanyang dan Institut Pendidikan Nasional (NTU-NIE) pada Julai 2025.

Pencapaian besar mereka bersama adalah hasil kerjasama, kerja keras dan saling menyokong antara satu sama lain dalam mengejar matlamat yang sama.

Dr Emilia memulakan kerjayanya sebagai wartawan dan penerbit media bersama syarikat Mediaworld sebelum menyertai Politeknik Republic (RP) sebagai tenaga pengajar pada 2010.

“Saya dapati merangka bahan pengajaran sama seperti menghasilkan kandungan media... perlu faham audiens, jelas objektif dan kreatif,” katanya.

Minat itu membawanya ke arah penyelidikan pedagogi dan akhirnya mendorongnya menyambung pengajian kedoktoran pada 2018, setahun selepas Dr Irfan memulakan pengajian yang sama.

“Saya memang sedang mencari kursus yang sesuai untuk menyambung pelajaran saya, dan apabila saya dapat tahu suami saya sudah pun mendaftar, saya pun ikuti langkahnya pada tahun berikutnya,” kata Dr Emilia, yang kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan bahagian Pusat Pembangunan Pendidikan di Politeknik Republic.

Suaminya, Dr Irfan, seorang pendidik Pendidikan Jasmani di bawah Kementerian Pendidikan (MOE), pula terdorong selepas terlibat dalam kajian tentang pedagogi inovatif di NIE.

“Pendekatan baru itu seiring dengan falsafah pengajian saya... yang mendorong saya untuk mendalaminya supaya dapat memimpin guru lain dengan lebih berkesan,” jelas Guru Pakar (Master Teacher) di Akademi Guru Pendidikan Jasmani dan Sukan (Pesta) itu.

Walaupun memulakan pengajian pada tahun berbeza, mereka mengaku wujud “persaingan sihat” untuk melihat siapa di kalangan mereka dapat menamatkan tesis terlebih dahulu.

“Saya tak pernah mahu mengalah pada Irfan,” seloroh Dr Emilia manakala suaminya itu pula bergurau bahawa dia telah “memperlahankan langkah” supaya mereka dapat menyelesaikannya bersama.

Di sebalik gurauan, sokongan emosi dan praktikal antara mereka sangat penting. Mereka men-

jadi penyemak awal tugas masing-masing, berkongsi bahan bacaan, malah membawa komputer riba ketika bercuti untuk mencuri masa menulis.

“Ia seperti mengulang kembali janji temu belajar kami di universiti, cuma kali ini selepas anak-anak tidur,” kata Dr Irfan.

Membahagikan masa antara kerja sepenuh masa, pengajian, dan membesarkan tiga anak bukan mudah.

“Ada masa saya rasa *mom guilt* (rasa bersalah sebagai ibu), tapi Irfan akan kata ‘relaks, mereka akan okey,’” kata Dr Emilia.

Dr Irfan pula berkongsi falsafah keibubapaan mereka seiring dengan rangka penyelidikan masing-masing: pembelajaran adalah proses tidak ‘linear’, kadangkala berkelaru tetapi penuh peluang untuk berdiskari.

“Kami menggalakkan anak-anak kami untuk bertanggungjawab atas keputusan dan usaha mereka sendiri. Jika mereka gagal, tidak apa.”

“Kami jarang bertindak untuk menyelesaikan masalah untuk mereka, tetapi kami sentiasa berada di samping mereka untuk berkongsi pengalaman mereka,” kata Dr Irfan.

Pasangan ini dikurniakan tiga orang anak lelaki – Muhammad Ilhan Irfan, 19 tahun, yang sedang menjalani perkhidmatan negara bersama

Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF); Aidan Irfan, 15 tahun, pelajar tahun 12 di Kings College Soto Madrid (penerima biasiswa sukan Unleash The Roar! atau UTR); dan Rayan Irfan, 10 tahun, pelajar darjah empat di Sekolah Rendah Tanjong Katong.

Mereka berdua akui sokongan keluarga besar juga menjadi tulang belakang dan sangat penting dalam perjalanan mereka.

Dr Emilia akui banyak pengorbanan terpaksa dilakukan demi mengejar cita-citanya.

“Rayan masih kecil ketika saya memulakan perjalanan kedoktoran saya, jadi saya tidak dapat menghabiskan banyak masa seperti yang saya inginkan dengannya... itulah yang buat saya rasa agak terkilan.”

Bagi Dr Emilia, cabaran terbesar ialah penolakan demi penolakan dalam proses penulisan tesis.

“Selepas seminar pengesahan pertama, saya terpaksa ubah soalan penyelidikan dan kerangka kajian beberapa kali,” katanya.

Dr Irfan pula mengakui bergelut untuk mengekalkan momentum menulis di tengah-tengah tuntutan kerja dan keluarga.

Namun, mereka menjadikan rumah sebagai ruang perbincangan akademik supaya anak-anak dapat memahami topik penyelidikan ibu bapa

mereka.

Bagi Dr Emilia, membenteng kertas kerja di dua persidangan antarabangsa termasuk di Sydney, Australia, dan New Zealand serta memenangi anugerah ‘Best Concise Student Paper’ merupakan detik-detik manis yang tidak dapat dilupakan.

Dr Irfan pula bangga menyiapkan tesis dan menerbitkan hasil penyelidikan dalam bentuk bab buku dan jurnal.

Kedua-duanya sepakat bahawa memilih bidang yang benar-benar diminati adalah kunci.

“Minat itu akan memacu anda ketika melalui detik-detik sukar,” kata Dr Irfan.

Dr Emilia menambah: “Cari kumpulan sokongan, fleksibel dengan perjalanan, dan kalau ada anak kecil, mungkin tunggu mereka sedikit dewasa supaya mereka boleh menghargai usaha anda.”

Bagi pasangan ini, pengajian kedoktoran bukan sekadar pencapaian akademik, tetapi perjalanan yang penuh bermakna dalam membina ketahanan diri, keluarga serta terus menyumbang kepada masyarakat.

“Bagi saya, menuntut ilmu adalah ibadah,” kata Dr Emilia. “Jika ia memberi manfaat kepada pelajar dan orang lain, itulah kemenangan sebenar.”